

Henti segera cubaan kaitkan Umno: Pak Lah

BH 13 AUG 2001
Oleh Kadir Dikoh

KAJANG, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pihak tertentu di Sarawak supaya menghentikan segera sebarang cubaan untuk mengaitkan Umno dalam kempen menjelang pilihan raya negeri itu.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, Umno tidak pernah merestui atau menyokong gerakan menentang Barisan Nasional (BN) Sarawak pimpinan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

"Saya harap mereka semua berhenti sekarang juga daripada membuat apa-apa kenyataan atau pengakuan berhubung kaitan mereka dengan Umno atau memberi bayangan yang Umno akan bersama dengan mereka.

"Ini semua tidak timbul. Sesiapa yang mendakwa bahawa dia mewakili Umno dan dia buat sesuatu

Umno tidak terbabit dalam pilihan raya umum peringkat negeri di Sarawak, sebaliknya akan membantu memastikan kemenangan rakan dalam BN yang diketuai PBB

kerana Umno untuk masa depan (bertapak di Sarawak), itu semua satu pembohongan," katanya selepas menutup bengkel empat hari berkaitan Perancangan Strategik Mengenai Industri Perhutanan Berasaskan Ilmu di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan bekas timbalan presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, bahawa kumpulan mereka akan bertanding di 45 kawasan Dewan Un-

dangan Negeri (DUN) pada pilihan raya negeri nanti, sebagai langkah meneruskan rancangan membawa Umno ke Sarawak.

Abang Abu Bakar dalam kenyataannya yang dipegang Bernama baru-baru ini, berkata jika calonnya yang bertanding atas tiket bebas menang, mereka akan menerima kedatangan Umno dengan tangan terbuka jika parti itu mahu mengembangkan sayapnya ke negeri itu.

Abdullah berkata, Umno tidak terbabit dalam pilihan raya umum peringkat negeri di Sarawak, seba-

liknya akan membantu memastikan kemenangan rakan dalam BN yang diketuai PBB.

Malah, katanya, kumpulan terbabit juga tidak boleh mendakwa mendapat sokongan pemimpin tertentu dari Kuala Lumpur.

Beliau berkata, ini kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini sudah jelas menyatakan bahawa Umno tidak terbabit dengan politik di luar BN di Sarawak.

"Oleh itu, jangan sesiapa menggunakan Umno untuk mendapat sokongan

kepada partinya. Namun kita tidak boleh mengambill tindakan disiplin, kalau mereka yang terbabit itu bukan ahli Umno.

"Mereka ini cuma mencari kesempatan nak guna nama Umno, nak timbulkan satu gambaran yang mereka bekerjasama dengan Umno untuk kejayaan parti mereka dalam pilihan raya.

"Umno adalah parti komponen BN. Parti yang di luar keluarga BN, tidak boleh dibenarkan membuat sebarang kenyataan yang mengaitkan parti itu dengan Umno atau dengan

parti komponen lain," katanya.

Sementara itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata beliau akan meneliti setiap laporan yang dikemukakan kepadanya, sama ada untuk menahan beberapa orang lagi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Laporan akhbar hari ini menyebut dua anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) yang ditangkap Jun lalu, sudah dikenakan tahanan selama dua tahun mengikut ISA iaitu Murad Halimmuddin Has-

san, 35 dan Muhammad Azian Abdul Rahman Nazri, 29.

Mengenai persoalan berhubung kerakyatan seorang lelaki bernama Dani, 26, yang melakukan beberapa siri letupan born di Jakarta bulan lalu, Abdullah berkata isu itu akan diketahui apabila polis Malaysia mendapat maklumat lanjut daripada rakan sejawat di Indonesia.

Bagaimanapun, beliau tidak tahu menahu mengenai dakwaan Dani bahawa dia disuruh orang tertentu di Malaysia untuk melakukan letupan itu.